

BAB 4

MAYOR YIN DAN REN XIULAN: MANGSA POLITIK ZALIM

Dalam koleksi *Yin xianzhang*, sesetengah watak merupakan kader Parti Komunis. Nasib mereka membayangkan keadaan politik sebenar di bawah pemerintahan Pusat Parti Komunis China semasa berlakunya Revolusi Kebudayaan. Perjuangan kelas bukan sahaja berlaku pada rakyat biasa, malah mereka yang berkhidmat untuk Parti dan setia terhadap Parti turut mengalami nasib yang sama dan menjadi mangsa di bawah perjuangan tersebut.

Mayor Yin dalam karya “*Yin xianzhang*” dan Ren Xiulan dalam karya “*Ren Xiulan*” merupakan dua contoh mangsa yang mengalami pengorbanan dan penyeksaan di bawah politik zalim Parti Komunis China. Walaupun mereka begitu setia dan menyumbangkan tenaga untuk Parti Komunis, namun bila-bila masa sahaja, golongan ini akan menjadi mangsa sebagaimana yang dialami oleh rakyat biasa.

Berikut adalah perbincangan tentang bagaimana Major Yin dan Ren Xiulan menjadi mangsa di bawah politik zalim semasa Revolusi Kebudayaan China.

4.1 Mayor Yin dalam Cerpen “Yin xianzhang”

Mayor Yin merupakan contoh tipikal mangsa di bawah pemerintahan totalitarian Parti Komunis China. Cerpen ini bermula sebelum Parti Komunis China memerintah China pada 1949. Mayor Yin pada mulanya merupakan seorang Kolonel di bawah salah satu pasukan askar Parti Kuomintang yang ditugaskan untuk mengawal sempadan bahagian tenggara Qinling 秦岭 di Provinsi Shanxi 陕西. Beliau mengetuai beberapa ribu orang askar. Kawasan Qinling pada masa itu menjadi tumpuan rebutan antara Parti Kuomintang dengan Parti Komunis China kerana kedudukannya yang strategik. Parti Komunis China cuba menyerang kawasan ini beberapa kali tetapi gagal untuk menakluki kawasan ini. Oleh itu, Parti Komunis China menghantar wakil untuk memujuk beliau menyertai Parti Komunis China.

Pada ketika itu, Major Yin masih muda lagi dan tidak begitu mengenali politik, akhirnya, Major Yin bersama beberapa ribu askarnya memutuskan untuk menyokong dan menyertai Parti Komunis China. Justeru, dengan pertolongan Major Yin, Parti Komunis China menakluki tiga daerah Qinling dengan mudah sekali. Semasa berpaling tada terhadap Parti Komunis China, Major Yin tidak mengharapkan dirinya dilantik menjadi pegawai kerajaan, tetapi cuma mengharapkan jaminan keselamatan dan peluang menyesuaikan diri dalam Parti yang berlainan untuk menyokong askar-askarnya. Beliau menaruh keyakinan penuh terhadap Parti Komunis China.

Setelah menyertai Parti Komunis China, Major Yin dilantik menjadi Major sementara, seterusnya menjadi ahli jawatankuasa Majlis Daerah. Namun, orang ramai masih mengelarnya Major Yin. Sebenarnya beliau langsung tidak mempunyai sebarang kuasa. Beliau cuma melaksanakan dasar Parti Komunis China dengan setia. Beliau pernah berkata:

1 2 3 4 5 6 7 8 9

“Saya tidak pernah menganggap diri sebagai orang yang paling utama mahupun kedua utama di dalam daerah ini. Saya tidak mencampur

tangan dalam kegiatan publisiti, dan tidak pernah menyumbangkan idea dalam perancangan dasar atau polisi kerajaan.” (165)

Dalam gerakan Reformasi Tanah¹ pada tahun 1952, keluarganya digariskan sebagai golongan petani miskin, tetapi beliau memohon agar keluarganya dikategorikan semula sebagai petani kaya. Dalam gerakan “Tiga Anti” dan gerakan “Lima Anti”, ramai kader ditahan dan dihukum kerana terlibat dalam korupsi, tetapi Mayor Yin dikecualikan kerana beliau seorang bersih. Beliau pernah mengkritik dasar pertanian kerajaan tetapi tidak keterlaluan. Oleh itu beliau tidak dianggap sebagai anasir Sayap Kanan dalam gerakan menentang anasir Sayap Kanan pada tahun 1957, dan beliau dapat mengekalkan jawatannya. Apabila berlaku musim kemarau yang teruk di Daerah Xing'an, beliau pernah pergi ke kawasan itu untuk menempuh segala kesukaran dan cabaran bersama-sama penduduk daerah tersebut. Jelasnya, beliau benar-benar melaksanakan dasar Parti Komunis China tanpa memandang berat kepentingan diri.

¹Gerakan Reformasi Tanah ini merupakan gerakan di bawah pimpinan Parti Komunis China untuk menggalakkan petani miskin

Dari sudut pandangan lain, Major Yin berbuat demikian kerana kejahilannya. Kepada teguran orang lain, beliau cuma menyahut:

“Saya akan menjalankan apa sahaja tugas yang diarahkan oleh Parti. Saya mempunyai satu otak sahaja, terpulanglah kepada Parti untuk membentuk pemikiran saya.” (169)

Beliau belajar fahaman Marx dan Lenin, membaca karya Liu Shaoqi dan Mao Zedong tetapi tidak dapat memahaminya. Apabila arahan dikeluarkan, beliau mematuhi secara membabi buta. Beliau tidak dapat melihat keadaan sebenar dunia luar dan keadaan sebenar arena politik. Oleh itu, beliau tidak memahami mengapa Revolusi Kebudayaan dicetuskan, lebih-lebih lagi, beliau tidak memahami apakah kaitan Revolusi Kebudayaan dengan dirinya sendiri(165).

Boleh dikatakan Major Yin mematuhi dasar Parti Komunis China secara membabi buta kerana kejahilannya. Orang seperti

merampas tanah tuan tanah, kemudian dibahagikan kepada petani miskin.

Major Yin paling mudah diperalatkan dalam perjuangan Revolusi Kebudayaan (Xia:1977). Beliau menjadi mangsa perjuangan kelas apabila pusat kerajaan Parti Komunis China menghantar Xiao Zhang, anggota Kumpulan Pengawal Merah, pergi ke Daerah Xing'an untuk membarakan bibit-bibit revolusi dan menangkap seorang Setiausaha yang korup sambil menjalinkan hubungan sulit dengan perempuan lain.

Kumpulan Pengawal Merah merupakan golongan yang digunakan oleh Parti Komunis China dalam perjuangan Parti. Mereka biasanya merupakan pelajar sekolah menengah atas yang bertindak secara terburu-buru dan menyanjung tinggi pemimpin iaitu Chairman Mao secara membabi buta. Mereka tidak memahami politik dengan sepenuhnya dan sekadar bertindak di bawah dorongan semangat perjuangan dan hasrat untuk berbakti kepada Parti serta mendapat sokongan kuat dari Parti Komunis China. Mereka berkhidmat dengan setia untuk Parti Komunis China.

Major Yin merupakan bapa saudara Xiao Zhang. Dengan ini, Xiao Zhang mengetahui keadaan sebenar Major Yin, iaitu seorang

Mayor boneka yang tidak mempunyai sebarang kuasa sebenar. Latar belakangnya bersih dan baik. Orang jenis ini bukanlah sasaran yang ditentang oleh Parti Komunis China. Malangnya, Xiao Zhang cumalah anggota Kumpulan Pengawal Merah yang berpengalaman cetek dan tidak dapat membuat penilaian yang tepat. Dia tidak dapat bersaing dengan Setiausaha Parti di Xing'an yang berakal panjang itu. Mayor Yin akhirnya menjadi sasaran yang ditentang. Walaupun Xiao Zhang menyedari ada orang yang mengawal perkembangan kejadian ini di sebalik tabir, tetapi beliau tidak berupaya untuk menentangnya dan terpaksa menerima hakikat ini. Oleh itu, Mayor Yin disabitkan kesalahan yang tidak dilakukan olehnya.

Untuk mendapat kedudukan yang lebih kukuh, Xiao Zhang akhirnya bersehaluan dengan Setiausaha Parti itu, dengan menuduh Mayor Yin sebagai Anti-Parti dan mengakibatkan Mayor Yin menjadi sasaran yang ditentang oleh Parti Komunis China. Perbuatan kejinya mendapat sokongan daripada Kumpulan Pengawal Merah tempatan, dan akhirnya beliau dilantik menjadi Timbalan Komander Kumpulan. Xiao Zhang berasa bangga

terhadap pencapaiannya. Dengan kejayaan ini, beliau tidak mempedulikan soal hidup mati Mayor Yin.

Semasa Mayor Yin dihukum mati dengan tembakan senapang, Xiao Zhang tidak menaruh sebarang perasaan simpati, malah mengeluarkan dua helai sapu tangan untuk menyumbat mulut Mayor Yin yang melaungkan "Hidup Parti Komunis China! Hidup Chairman Mao!"

Kematian Mayor Yin merupakan satu contoh taktik Parti Komunis China untuk menganiayai seseorang. Sebelum kematian Mayor Yin, beliau masih lagi berkata:

"Saya tidak bimbangkan diri sendiri, inilah kebaikan tidak mempunyai anak. Saya cuma berasa kesal, tetapi tidak dapat sebutkan apa yang dikesali. Saya seolah-olah tidak pernah memberi sumbangan baik kepada negara mahupun kepada rakyat." (166)

Beliau telah diperalatkan. Apabila tiada sebarang nilai untuk dipergunakan lagi, beliau telah dianiyai. Walaupun

demikian, beliau masih berasa kesal kerana berpendapat tidak dapat memberi sumbangan kepada negara dan rakyat.

Kejahilan Major Yin melambangkan rakyat China yang tidak berpengetahuan tetapi masih setia terhadap Parti Komunis China. Kejahilan dan kesetiaan Major Yin secara membabi buta menyebabkan akhirnya beliau menjadi mangsa perjuangan kelas Parti Komunis China. Malang sungguh nasibnya (Si:1978)!

Bagi Xiao Zhang, Kumpulan Pengawal Merah yang diperalatkan oleh Parti Komunis China untuk menyingkirkan musuh, akhirnya juga menjadi buruan Parti Komunis China setelah berlakunya perpecahan dalam antara Kumpulan Pengawal Merah. Berikutan perkembangan ini, Parti Komunis China membubarkan Kumpulan Pengawal Merah, dan Xiao Zhang terpaksa menyembunyikan diri. Sementara itu, kuasa yang menyokong dan mengawal Kumpulan Pengawal Merah di sebalik tabir masih terus melakukan apa yang disukai. Sungguh menyedihkan, kesetiaan dan kejahilan akhirnya menyebabkan Major Yin dan Xiao Zhang menjadi mangsa penyeksaan!

Pendek kata, “Yin xianzhang” merupakan sebuah fiksyen yang menggambarkan penganiayaan. Mayor Yin merupakan seorang kader yang berpengalaman dan banyak berjasa kepada Parti Komunis China. Apabila Kumpulan Pengawal Merah memasuki kawasannya, dia tidak berasa bimbang kerana dirinya mempunyai latar belakang yang bersih. Malangnya, kader sebegini telah menjadi sasaran yang ditentang. Mayor Yin telah “diadili” oleh saudaranya sendiri dan akhirnya dihukum mati.

Selepas kematian Mayor Yin, Kumpulan Pengawal Merah yang begitu taat kepada Parti Komunis China pula menjadi sasaran yang diburu oleh Parti Komunis China. Sebenarnya Kumpulan Pengawal Merah telah diperalatkan oleh Parti Komunis China untuk merampas kuasa Liu Shaoqi, iaitu ketua negara pada masa itu. Mayor Yin cuma merupakan seorang ahli Parti Komunis yang setia kepada Parti dan negara. Beliau tidak memihak kepada Liu Shaoqi. Memandangkan hakikat ini, dalam perebutan kuasa pada masa itu, Mayor Yin telah menjadi mangsa di bawah politik zalim ini.

Chen Ruoxi bukan sahaja berjaya menonjolkan kesedaran politiknya, malah juga berjaya menggambarkan keadaan hidup manusia dengan terperinci. Beliau berjaya menggambarkan perasaan gementar masyarakat di bawah pemerintahan tanpa kerajaan. Beliau menulis kejahatan dan kezaliman yang berleluasa akibat keruntuhan nilai-nilai moral. Beliau berjaya menggambarkan keadaan tersebut dengan hati yang tenang dan gaya penulisan yang mudah. Karyanya tidak banyak menggunakan taktik simbolik. Karyanya menjadi lebih bernilai kerana beliau berjaya menonjolkan prihatinan seseorang penulis yang bermoral. Beliau berasa simpati terhadap Mayor Yin. Dalam pada itu, beliau juga tidak menyalahkan Kumpulan Pengawal Merah yang melakukan kekejaman kerana beliau sedar bahawa mereka cuma diperalatkan oleh Parti Komunis China.

Pengorbanan Mayor Yin memang celaka. Namun, pengorbanannya telah membuktikan kezaliman Parti Komunis China terhadap rakyatnya yang tidak berdosa.

4.2 Ren Xiulan dalam Cerpen “Ren Xiulan”

Menurut gambaran Chen Ruoxi, Ren Xiulan merupakan:

Seorang penembak handal yang menyertai pasukan gerila ketika berusia 14 tahun dan menyertai Parti Komunis China ketika berusia 16 tahun.(90)

Dia merupakan satu-satunya Setiausaha wanita dalam Parti Komunis China.(89)

Dia menjadi kader Parti sudah berpuluhan-puluhan tahun lamanya dan mempunyai banyak pengalaman hidup khasnya pengalaman menentang pihak pemberontak ketika peringkat awal Revolusi Kebudayaan.(89)

Boleh dikatakan beliau Ren Xiulan ahli Komunis veteran dan banyak memberi sumbangan terhadap Parti Komunis China.

Semasa bertugas di Kolej Hidraulik di Nanjing:

Dia menunjukkan daya kepimpinannya dengan menyeru penghuni agar berusaha menjaga kesihatan badan demi usaha menyelamatkan negara. Dia telah

menubuhkan pasukan bola dan *Taiji*
太极.(91)

Menurut penduduk tempatan:

Ren Xiulan sentiasa bekerja bersama-sama mereka dengan memakai kasut kain yang ditampal dan pakaian seragam biru yang luntur warnanya akibat lama dipakai dan dicuci. Ketika berehat dia tidak membasuh tangan sebelum makan.(90)

Namun, Ren Xiulan cuma berlagak sebegini di depan orang ramai. Mereka yang pernah melawat ke rumah Ren Xiulan sebulat suara menyatakan bahawa beliau "tinggal di rumah banglo, menggunakan sofa kulit, lantai rumahnya dihiasi dengan permaidani malah selalu memerintahkan pegawai untuk membawakannya teh untuk diminum" (91). Cara hidup yang mewah ini diberikan oleh Parti Komunis China kerana Ren Xiulan merupakan seorang pegawai yang berkaliber malah sanggup menggadaikan nyawa demi kepentingan Parti Komunis China.

Semasa Ren Xiulan berada di Gunung Taihang 太行山, Parti Komunis China meluaskan kuasanya di sana. Parti Komunis China meminta beliau menyertai pasukan gerila, dan beliau

mematuhi arahan ini; Parti Komunis China meminta beliau menyertai Parti Komunis China, beliau pun mendengar arahan dengan menjadi ahli; Parti Komunis China mahu beliau menentang seseorang, beliau akan berbuat demikian; dan pasukan Pengawal Merah melibatkan diri dalam Revolusi Kebudayaan, beliau turut menyertainya. Pegawai yang mematuhi arahan Parti Komunis China sudah pasti dipandang berat dan boleh menikmati kehidupan yang mewah seperti apa yang dialami oleh Ren Xiulan.

Malangnya, matlamat perjuangan ketika Revolusi Kebudayaan sentiasa berubah-ubah disebabkan faktor masa, faktor fizikal dan faktor-faktor lain (Yang:1976). Semasa gerakan “Tiga Anti” , Ren Xiulan telah dimasukkan dalam senarai “Ahli Pemberontak 16 Mei” . Justeru itu, beliau dikawal ketat oleh Parti Komunis China dalam Kelas Pembelajaran:

Terdapat lima atau enam orang mengawal ketat gerak geri Ren Xiulan, termasuklah waktu pembelajaran, waktu tidur, waktu makan malah waktu ke tandas pun diekori orang-orang Parti. Setiap tingkap bilik telah ditutup rapat dengan kayu yang dipaku.(79)

Beliau kehilangan kebebasan diri dan tidak dapat berhubung dengan dunia luar. Tidak dapat disangka orang yang setia dan memberi sumbangan terhadap Parti Komunis China akhirnya mendapat nasib malang sebegini.

Dalam cerpen “Ren Xiulan” ini, Chen Ruoxi menggunakan watak Cikgu Chen untuk mengemukakan soalan yang bermakna:

“Adakah benar Ren Xiulan seorang ‘Ahli Pemberontak 16 Mei’ ?”

Cikgu Chen berkata, “Saya tidak dapat pasti bahawa Ren Xiulan merupakan ‘Ahli Pemberontak 16 Mei’, mungkin tuhan sahaja yang mengetahui jawapan ini.” (86)

Jawapannya masih merupakan satu pertarungan. Namun, sama ada Ren Xiulan merupakan “Ahli Pemberontak 16 Mei” tidaklah begitu penting kerana dalam perebutan kuasa, banyak fenomena tidak dapat dijelaskan berdasarkan logik, undang-undang dan secara hitam putih. Apabila ada orang ingin menjatuhkan Ren Xiulan, mereka akan menggunakan seribu alasan dan seribu daya, termasuklah mendakwa Ren Xiulan

sebagai "Ahli Pemberontak 16 Mei". Asalkan mereka dapat menjatuhkan Ren Xiulan (Ni:1976e).

Dalam perjuangan Revolusi Kebudayaan, pasti ada orang yang akan menjadi mangsa. Ren Xiulan akhirnya menjadi mangsa dan meninggal dunia. Sama ada beliau membunuh diri atau dibunuh oleh orang lain juga menjadi satu pertanyaan. Mula-mula khabar mengatakan Ren Xiulan melarikan diri dari kolej disebarluaskan, kemudian semua orang di kolej dikerah untuk mencari Ren Xiulan. Mereka mencari dengan begitu teliti sekali, malah tidak melepaskan tangki najis juga(91).

Akhirnya Ren Xiulan dapat dijumpai. Parti Komunis China mengesahkan bahawa punca kematiannya disebabkan seksaan fikiran dalam Kelas Pembelajaran:

Terdapat banyak slogan dan tanda seruan pada dinding bilik Ren Xiulan yang menasihatinya supaya mengaku salah dan balik ke pangkal, jika tidak, dia akan mati terseksa.(95)

Ren Xiulan tidak tahan dengan seksaan mental ini lalu mengoyakkan slogan-slogan pada dinding dan akhirnya terjumpa mayatnya di dalam tangki najis. Ren Xiulan juga dikritik dan dipecat keahliannya oleh Parti Komunis China walaupun selepas kematiannya. Beliau dituduh sebagai ahli Anti-Revolusi Kebudayaan.

Adakah Ren Xiulan benar-benar membunuh diri? Sekali lagi Chen Ruoxi menimbulkan soalan yang bermakna. Jika kita mengetahui taktik Parti Komunis China menghancurkan seseorang, tidak hairanlah, kematian Ren Xiulan merupakan perancangan rapi Parti Komunis China (Li:1977). Setelah membunuh Ren Xiulan, mereka sengaja mengatakan beliau membunuh diri. Cuba lihat bagaimana Chen Ruoxi menggambarkan kematian Ren Xiulan:

Para pelajar menarik sebelah tangan Cikgu Chen dan berlari ke tingkap luar sebuah tandas yang terletak di belakang sebuah rumah. Setibanya Cikgu Chen di sana, pelajar-pelajar yang mengelilingi mayat itu dengan serta-merta membuka jalan untuk Cikgu Chen. Cikgu Chen berkata, "Saya nampak ada satu objek tersumbat di dalam sebuah lubang yang seluas dua kaki persegi". Salah seorang pelajar memberitahu

bahawa mayat yang tersumbat itu merupakan mayat Ren Xiulan.(96)

Chen Ruoxi tidak menggambarkan keadaan Ren Xiulan ketika beliau didapati meninggal dunia, sama ada menghala ke atas atau ke bawah. Tiada orang yang mengenalpasti identiti mayat itu. Cikgu Chen berkata:

Entah siapa yang memberitahu saya. Sebaik sahaja saya mendengar nama Ren Xiulan, saya berasa seolah-olah hendak muntah lalu pengsan, seterusnya saya tidak dapat mendengar dan melihat apa juga pun.(97)

Perkara ini menyebabkan Cikgu Chen jatuh sakit selama seminggu. Selepas seminggu, Cikgu Chen masih mendengar ada orang mengkritik Ren Xiulan dalam perhimpunan. Inilah cara Parti Komunis China memperalatkan orang ramai untuk mengkritik seseorang pegawai yang telah hilang nilai kegunaannya. Akhirnya Chen Ruoxi menggunakan kata-kata Master Ma 马师傅 untuk menerangkan kematian Ren Xiulan. Dia berkata:

“Cuba kamu fikir, kedalaman tangki najis ini tidak sampai satu meter, panjang dan lebarnya lebih kurang saiz badan manusia. Kalau bukan disumbat oleh orang lain, sudah pasti apabila seseorang menusuk tangki najis dengan batang kayu, mayat itu akan dikeluarkan.” (97)

Keterangan Master Ma yang seterusnya amat bermakna untuk memperkenalkan muka sebenar Parti Komunis China. Mengikut Master Ma, kali pertama mereka menusuk tangki najis itu, mayat Ren Xiulan masih belum dapat dijumpai. Ia membuktikan bahawa Ren Xiulan sebenarnya mati dibunuh, bukannya membunuh diri (Li:1977). Walaupun Master Ma dan beberapa orang lain mengesyaki punca kematian Ren Xiulan, tetapi mereka tidak berani mengata apa-apa pun kerana takut dikerjakan oleh Parti Komunis China.

Kematian Ren Xiulan berhubung kait dengan perebutan kuasa. Beliau pernah menggunakan taktik yang sama untuk menganiayai orang lain. Kini beliau pula mengalami nasib malang ini dan menjadi mangsa perjuangan Revolusi Kebudayaan. Apa yang lebih melucukan, Ren Xiulan pernah dituduh sebagai “Ahli Pemberontak 16 Mei” dan dihukum mati. Akan tetapi, selepas

Peristiwa Lin Biao,² banyak kes tuduhan tersebut telah digugurkan. Malangnya, ramai orang yang tidak berdosa itu telahpun dijatuhan hukuman. Ren Xiulan tidak sempat menunggu ketibaan saat ini dan akhirnya mati di bawah pemerintahan diktator Parti Komunis China (Ni:1976e). Adalah mustahil orang seperti Ren Xiulan akan membunuh diri. Beliau sangat mahir dan memahami taktik perjuangan Parti Komunis China. Beliau sepatutnya pandai menjaga diri apabila ditentang oleh Parti Komunis China. Di samping itu, orang seperti Ren Xiulan memang tidak mudah mengaku kalah ke atas masalah-masalah yang dihadapinya. Oleh itu, kematiannya kemungkinan besar berkaitan dengan Parti Komunis China.

Koleksi fiksyen *Yin xianzhang* memaparkan keadaan masyarakat di bawah pemerintahan totalitarian Parti Komunis China. Semasa berlakunya Revolusi Kebudayaan, perebutan kuasa menjadi asas politik dan sebelum mendapat kuasa politik, perjuangan kelas menjadi tumpuan utama Parti Komunis China.

²Pada tahun 1970-1971, Lin Biao mempunyai muslihat merampas kuasa tetapi tidak berjaya. Akibatnya, beliau melarikan diri dengan menaiki kapal terbang. Malangnya, beliau mati oleh sebab kapal terbangnya terhempas. Hari itu bertarikh 13 September 1971, peristiwa ini dikenali sebagai "Peristiwa September 13".